

# KUKUM SERTAI PROMOSI DI DUBAI DAN MUSCAT



**Prof. Madya Dr. Mohd Rizon Johari**, Dekan Unit Pengajian Ijazah Tinggi dan Mustaffa Ismail, Pegawai Perhubungan Awam KUKUM, telah mewakili Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dalam Seminar Promosi Pendidikan Malaysia ke Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Muscat, Oman pada 20 ñ 25 Disember 2004 lalu.

Promosi pendidikan yang dianjurkan oleh Bahagian Promosi Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama IBF International, Event Management di Dubai itu bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang program-program pendidikan di Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia kepada masyarakat di Emiriyah Arab Bersatu (U.A.E) dan Oman khususnya kepada golongan pelajar di kedua-dua negara tersebut.

Tuan Yang Terutama, Dato' Abdul Mubin Razali, Duta Besar Malaysia ke U.A.E. telah berkesempatan merasmikan pameran pendidikan yang bertajuk

*'Education Opportunities in Malaysia'* yang berlangsung di Hotel Traders, Dubai pada 22 Disember 2004. Sejurus selepas perasmian tersebut satu persembahan video yang bertajuk *'Malaysia Centre of Education Excellence'* dari wakil Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan persembahan video korporat dari wakil-wakil IPT Malaysia yang mengambil bahagian turut diadakan.

Selain mengadakan pameran di Hotel Traders, KUKUM juga telah diberi kesempatan oleh pihak penganjur untuk mengadakan pameran mini pendidikan di Pusat Dagangan Malaysia di Bangunan Al Safeenah, berdekatan dengan Plaza Lamcy, di bandaraya Dubai.

Delegasi KUKUM bersama beberapa orang wakil dari IPT Malaysia telah meneruskan perjalanan dari Dubai ke Oman menggunakan pengangkutan darat selama lima jam bagi menyertai pameran pendidikan di negara tersebut

pada 24 Disember 2004. Tuan Yang Terutama, Saipul Anuar Abd. Muin, Duta Besar Malaysia ke Oman telah merasmikan pameran pendidikan dengan tajuk yang sama di Hotel Al Bustan, Oman pada 25 Disember 2004. Turut hadir semasa pameran tersebut ialah Pegawai Khas, Menteri Pendidikan Oman, wakil-wakil dari Institut Pendidikan Tinggi Oman dan pelajar-pelajar dari beberapa buah universiti tempatan dan sekolah tinggi di sana.

Setiap wakil IPTA Malaysia yang menyertai pameran dan promosi pendidikan tersebut telah diberi peluang untuk mengadakan persembahan multimedia dan diikuti dengan sesi soal jawab dengan tetamu yang hadir. Selain dari KUKUM, wakil IPT Malaysia yang turut mengambil bahagian di dalam Seminar Promosi Pendidikan Malaysia ke U.A.E dan Oman ialah Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Akademi TPM, Kolej Universiti HELP dan Universiti Lim Kok Wing.